



[FOTO AMRAN HAMID/BH]

4 elemen pacu Kedah

➔ PM jamin BN terus komited bantu kerajaan negeri

Oleh NSTP Kedah
news@nstp.com.my

Alor Setar

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, semalam, melancarkan Pelan Pembangunan Strategik Negeri Kedah 2019-2035 yang menyaksikan pelaksanaan perancangan pembangunan dalam pelbagai aspek memabatkan empat elemen utama.

Elemen terbabit ialah mempelbagaikan asas ekonomi negeri, melonjak pembangunan holistik berdaya mampan, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan menyediakan Kedah dengan kekuatan jati diri memabatkan modal insan serta tenaga muda selaku impetus utama.

Pelancaran dilakukan pada hari

terakhir Ekspo Muafakat Kedah, di Stadium Darul Aman di sini, semalam yang turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Dalam ucapannya, Najib turut mengumumkan Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini akan dinaik taraf sebagai lapangan terbang antarabangsa dalam tempoh lima tahun akan datang.

Hab logistik utara Semenanjung
Beliau berkata, naik taraf terbabit berdasarkan potensi besar pembangunan di Bukit Kayu Hitam yang akan dijadikan hab logistik utara Semenanjung, sekali gus menjadi penghubung dengan selatan Thailand, selain meningkatkan keupayaan penerbangan haji dan umrah.

"Saya juga melihat Langkawi perlu dijadikan pintu masuk negara dengan adanya penerbangan terus, tetapi jika tiada jambatan udara (aerobridge), sudah pasti pesawat besar tidak boleh mendarat.

"Atas faktor itu, saya mengarahkan Malaysia Airports Holding Bhd (MAHB) supaya dalam projek pembebasan Lapangan Terbang Antara-

bangsa Langkawi, perlu ditambah jambatan udara," katanya.

Mengulas lanjut mengenai Kedah, Najib berkata, semua perancangan dan pembangunan dirancang akan terus dilakukan di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN).

Beliau turut mengulangi komitmen untuk melaksanakan projek menaik taraf lima loji rawatan air dengan peruntukan RM1 bilion yang diluluskan sebelum ini, bagi menyelesaikan masalah bekalan air terawat di Kedah.

"Kerajaan negeri BN yang didokong Kerajaan Pusat akan membina banyak projek perumahan rakyat (PPR) dan rumah mampu milik seluruh Kedah, malah akan melaksanakan apa yang perlu, umpamanya jalan kampung, lampu jalan dan menaik taraf sekolah daif.

"Saya harap Kedah terus kekal di bawah BN, bukan saja kekal, tetapi tambah lagi (majoriti) dan saya yakin, insya-Allah ia boleh jadi kenyataan.

"Kedah akan terus dapat sokongan kuat Kerajaan Persekutuan kerana Kedah memerlukan sokongan memandangkan hasil yang dikutip kerajaan negeri amat terbatas," katanya.

Najib bersama kepimpinan BN memegang buku Pelan Pembangunan Negeri Kedah 2019-2035 pada majlis perasmian penutup Ekspo Muafakat Kedah di Stadium Darul Aman, Alor Setar, semalam.



Kedah akan terus dapat sokongan kuat Kerajaan Persekutuan kerana Kedah memerlukan sokongan memandangkan hasil yang dikutip kerajaan negeri amat terbatas"

Najib Razak,
Perdana Menteri